



JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

DENGAN KERJASAMA:



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

PERTANDINGAN MENCIPTA REKA BENTUK TUGU DI KAWASAN PUSING KELILING MUKIM LABU, DAERAH TEMBURONG

1. OBJEKTIF

- 1.1. Menggalakkan orang ramai untuk turut serta dalam pembangunan di Daerah Temburong;
- 1.2. Menyediakan platform untuk mempamerkan bakat-bakat dalam seni bina di kalangan arkitek tempatan khususnya dan masyarakat amnya;
- 1.3. Mendapatkan pelbagai pilihan reka bentuk tugu yang berkualiti tinggi, menarik dan inovatif sebagai mercu tanda untuk dijadikan sebuah *welcoming icon* kepada para pengunjung ke Daerah Temburong;
- 1.4. Menggalakkan budaya kreativiti dan inovasi di kalangan masyarakat awam.

2. SYARAT - SYARAT AM

- 2.1. Pertandingan ini dibukakan kepada Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
- 2.2. Penyertaan adalah terbuka kepada penyertaan individu;
- 2.3. Ciptaan tugu hendaklah asli dan belum pernah dipertandingkan;
- 2.4. Pihak Penganjur Pertandingan **berhak menolak** penyertaan atau **menarik balik** sebarang bentuk hadiah yang diperolehi sekiranya peserta didapati mengemukakan penyertaan yang tidak asli dan pernah mengemukakan penyertaan yang sama sebelum pertandingan ini;

2.5. Peserta dibenarkan menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menggunakan borang penyertaan yang rasmi bagi setiap reka bentuk.

3. SYARAT-SYARAT TEKNIKAL

3.1. Reka bentuk hendaklah mempunyai perkataan “**Selamat Datang ke Daerah Temburong**” dalam **tulisan jawi dan rumi** . Tulisan jawi hendaklah bersaiz dua kali ganda daripada saiz tulisan rumi dan disahkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Pengesahan tulisan jawi bolehlah dipohonkan melalui dalam talian (*online*) dengan meng-e-melkan kepada: unit.jawibp@dbp.gov.bn;

3.2. Reka bentuk mestilah mempunyai ciri-ciri keunikan atau identiti Daerah Temburong, di antaranya seperti:

3.2.1. Flora Fauna

3.2.2. Buah-buahan;

3.2.3. Kesenian dan Kebudayaan;

3.2.4. Elemen yang melambangkan Daerah Temburong sebagai Permata Hijau Negara Brunei Darussalam;

3.2.5. dan/atau lain-lain ciri yang bersesuaian.

3.3. Reka bentuk hendaklah **tidak mempunyai** ukiran manusia dan binatang dalam bentuk yang sempurna. Walaubagaimanapun, perlambangan (*symbolism*) melalui elemen-elemen tersebut atau bentuk lain adalah dibenarkan;

3.4. Tidak ada had pada ketinggian dan ukuran reka bentuk tetapi adalah digalakkan untuk mengukur sesuai dengan ukuran pusing keliling Mukim Labu yang mempunyai diameter 40m. Ini adalah tertakluk pada kreativiti masing-masing;

3.5. Rasional dan penjelasan mengenai elemen-elemen reka bentuk tugu dan warna yang digunakan hendaklah disertakan.

Nota: Cadangan bagi bahan-bahan binaan yang akan digunakan bagi setiap elemen reka bentuk adalah dianggap satu kelebihan.

4. PENGHANTARAN

4.1. Setiap penyertaan mesti dihadapkan dalam **dua (2) format** iaitu:

4.1.1. **Hardcopy:**

Penghantaran yang **WAJIB:**

- Borang Penyertaan yang lengkap diisi berserta dengan Salinan Kad Pengenalan.
- Lukisan perspektif (3 sudut / 3D) dicetak pada kertas bersaiz A3 dan diletakkan pada *mounting board* berwarna hitam dengan bingkai yang berukuran 1" di sekeliling kertas lukisan seperti Rajah 1 di bawah; dan
- Huraian penjelasan elemen-elemen dicetak dalam kertas A3/A4 yang berasingan, lengkap dengan maklumat peribadi peserta seperti Rajah 2 di atas.

Penghantaran yang opsyenal:

- Replika atau Modal reka bentuk. Pembuatannya dan bahan yang digunakan adalah mengikut kreativiti masing-masing;
- Rupa reka bentuk pada sebelah pagi (*daylight*) dan sebelah malam (*lowlight*) dicetak pada kertas bersaiz A3 yang berasingan dan diletakkan pada *mounting board* berwarna hitam dengan bingkai yang berukuran 1" di sekeliling kertas lukisan seperti Rajah 1 di bawah;



Rajah 1

<p>Nota: Peserta dikehendaki menulis di belakang mounting board seperti berikut;</p> <p>Nama Penuh: _____</p> <p>No. Kad Pintar: _____</p> <p>No. telefon: _____</p> <p>Emel: _____</p>
--

Rajah 2

4.1.2. *Softcopy* bagi Para 4.1.1. berserta dengan *supporting drawings* (seperti *Side Elevation*, *3D Animation*, dan lain-lain) hendaklah:

- di-e-melkan ke info.jdt@temburong.gov.bn atau
- dimuat naik ke *Google Drive/Dropbox* dan sertakan pautannya dalam Borang Penyertaan **atau**
- serahkan *CD/Pendrive* bersama dengan penghantaran *Hardcopy*;

4.2. Sebarang *software* mereka bentuk adalah dibenarkan (Contoh : Sketchup, SolidWorks, AutoCAD, Adobe Photoshop, Adobe Illustrator, 3Dmax dan lain-lain);

5. HAKCIPTA

5.1. Semua reka bentuk penyertaan dan pemenang adalah menjadi hak milik Penganjur;

5.2. Pihak penganjur berhak mengubahsuai reka bentuk tugu serta huraian tugu yang menang atas persetujuan peserta berkenaan (jika diperlukan);

5.3. Pemenang dikehendaki untuk menyerahkan *digital softcopy* reka bentuk berkenaan dalam format asal *software* yang digunakan.

6. KEPUTUSAN

6.1. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

7. PENILAIAN

7.1. Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima daripada peserta yang menyertai pertandingan ini;

7.2. Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap reka bentuk dan penjelasan reka bentuk tugu yang dihantar kepada Penganjur Pertandingan.

8. MAKLUMAN

8.1. Borang Penyertaan bolehlah di muat turun di laman sesawang www.temburong.gov.bn;

8.2. Penyertaan hendaklah dihantar dalam sampul surat **tidak lewat hari Sabtu, 15hb Ogos 2020 sebelum jam 4 petang** ke:

**Urus Setia Penilaian Tugu Pusing Keliling Mukim Labu
Tingkat 2, Jabatan Daerah Temburong**

dan

dihantar melalui e-mel:

Kepada: info.jdt@temburong.gov.bn

Dengan subjek: **[No. Kad Pengenalan] Penyertaan Pertandingan Mereka Bentuk Tugu**

8.3. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Jabatan Daerah Temburong di talian **5221266** atau **5221265** dan di talian **7371265** pada waktu kerja;

8.4. Borang penyertaan yang tidak lengkap tidak akan diterima; dan

8.5. Pemenang pertandingan akan dihubungi melalui telefon dan persuratan sebaik sahaja panel hakim selesai membuat penghakiman.

SEMOGA BERJAYA



**PERTANDINGAN MENCIPTA REKA BENTUK TUGU
DI KAWASAN PUSING KELILING MUKIM LABU, DAERAH TEMBURONG**

BORANG PENYERTAAN

Sila ubah nama file menjadi “[No. Kad Pengenalan] Borang Penyertaan” dan di-e-melkan kepada info.idt@temburong.gov.bn

NAMA			
NO. KAD PINTAR		WARNA	
KERAKYATAN		BANGSA	
TARIKH LAHIR		UMUR	
ALAMAT PERSURATAN			
PEKERJAAN			
ALAMAT TEMPAT BEKERJA / TEMPAT PENGAJIAN			
NO. TELEFON	(BIMBIT)	(PEJABAT)	
E-MEL			
PAUTAN <i>GOOGLE DRIVE/DROPBOX</i> (jika berkenaan)			
TANDATANGAN		TARIKH	

Sebelum menghantar borang penyertaan, sila pastikan semua dokumen ditanda (/) dan dihantar menurut format yang dikehendaki:-

Perhatian: Borang yang tidak lengkap tidak akan diterima.

SENARAI SEMAK PENGHANTARAN BORANG PENYERTAAN			
<i>Hardcopy</i>			
No.	Perkara	Sila Tanda (/)	Ulasan:
1.	Borang Penyertaan yang lengkap diisikan berserta bukti atau resit pengesahan tulisan jawi dari Dewan Bahasa dan Pustaka		<p>Dihantar dalam sampul surat tidak lewat dari hari Sabtu, 15hb Ogos 2020 sebelum jam 4 petang ke:</p> <p>Urus Setia Penilaian Tugu Pusing Keliling Mukim Labu</p> <p>Tingkat 2, Jabatan Daerah Temburong</p>
2.	Salinan Kad Pengenalan		
3.	Lukisan Perspektif (3 sudut/3D) dicetak pada kertas A3 dengan <i>mounting board</i> (dilabel)		
4.	Huraian penjelasan elemen-elemen dicetak pada kertas A3/A4 yang berasingan		
5.	Opsyenal: <ul style="list-style-type: none"> • Replika atau Modal rekabentuk • Rupa reka bentuk pada sebelah pagi (<i>daylight</i>) dan sebelah malam (<i>low light</i>) dicetak pada kertas A3 dengan <i>mounting board</i> (dilabel) 		
<p><i>Softcopy</i> untuk di-e-melkan ke info.jdt@temburong.gov.bn atau dimuat naik ke <i>Google Drive/Dropbox</i> atau menyerahkan <i>CD/Pendrive</i> bersama <i>Hardcopy</i> seperti di atas</p> <p>SUBJEK: [No. Kad Pengenalan] Penyertaan Pertandingan Mereka Bentuk Tugu</p>			
6.	Borang Penyertaan yang lengkap diisikan berserta bukti atau resit pengesahan tulisan jawi dari Dewan Bahasa dan Pustaka		PDF Nama File: [No. Kad Pengenalan] Borang Penyertaan
7.	Salinan Kad Pengenalan		PDF Nama File: [No. Kad Pengenalan] Salinan IC
8.	Perkara 3 dan 4 di atas		PDF
9.	Sebarang <i>supporting drawings</i> seperti <i>Side Elevation, 3D Animation</i> dan lain-lain		
10.	Pautan <i>Google Drive/Dropbox</i>		Sertakan dalam Borang Penyertaan jika berkenaan
11.	<i>CD/Pendrive</i>		Sertakan dalam Sampul Surat <i>Hardcopy</i> jika berkenaan

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

NAMA PENERIMA			
TANDATANGAN		TARIKH	